



اَوْنِيُو تِكْنُوْلُوجِي مَارَا
 UNIVERSITI
 TEKNOLOGI
 MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

BULETIN APB

*Global
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
 KAMPUS SEREMBAN



Peranan Teknologi Dalam Pendidikan Tanpa Sempadan

ROZIANIWATI YUSOF, SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH & NORHAFIZAH HASHIM
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Pendidikan merupakan salah satu teras yang penting dalam diri seseorang. Ilmu dapat menghasilkan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. Keupayaan untuk mendapat sesuatu ilmu adalah perkara yang perlu dititikberatkan bagi memperolehnya semaksimum yang mungkin. Ilmu itu adalah meluas dan tidak terhad oleh batasan geografi, budaya, atau ekonomi. Ini bermakna pelajar dan pendidik dapat mengakses pengetahuan, sumber, dan peluang pembelajaran dari mana-mana sahaja di dunia tanpa halangan fizikal atau sosial.

Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 menggalakkan pembelajaran secara dalam talian bagi membolehkan akses pendidikan serta pengalaman pembelajaran mengikut keperluan pelajar. Teknologi memainkan peranan yang penting bagi menyokong pendidikan tanpa sempadan dan mewujudkan persaingan di peringkat global. Antara teknologi yang penting dalam perkembangan pendidikan ialah internet. Kemunculan internet mewujudkan beberapa aplikasi yang dapat membantu ke arah pendidikan global seperti sosial media, e-pembelajaran, aplikasi kecerdasan buatan, penstriman video serta aplikasi-aplikasi penghasilan bahan pengajaran (Zailan, 2013).



Teknologi-teknologi ini dapat menyokong pendidikan tanpa sempadan dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah:

Kolaborasi dalam bidang pendidikan di peringkat antarabangsa

Teknologi membolehkan kerjasama di antara universiti terutamanya untuk menjalankan aktiviti pendidikan seperti melakukan penyelidikan, pertukaran budaya pembelajaran dalam kalangan pelajar, pelaksanaan projek, dan perkongsian daripada pelbagai perspektif (Taylor, 2019). Ini dapat dilakukan melalui media sosial dan ruang maya seperti MsTeam, Google Meet dan Webex serta penggunaan platform pembelajaran secara dalam talian iaitu MOOC, Coursera dan lain-lain. Platform-platform ini membantu meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran sekali gus membawa kepakaran Malaysia ke peringkat dunia. Dengan ini, pendidik akan bersifat lebih terbuka dan mengenal budaya pembelajaran daripada negara-negara lain. Secara tidak langsung, pendidik akan menjadi lebih kreatif dalam menyampaikan ilmu dan memupuk pelajar-pelajar untuk memahami budaya luar secara global.

Teknologi membenarkan pembelajaran jarak jauh

Pelajar-pelajar boleh menyertai pembelajaran jarak jauh secara global dengan menyertai kursus-kursus secara dalam talian yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan di seluruh dunia menggunakan bahan pembelajaran berbentuk digital seperti e-book serta kursus dalam talian seperti MOOC dan Micro-credential (Aziz & Sieng, 2019). Selain itu, terdapat juga bahan rujukan seperti Pustaka digital dan Open Education Resources (OER) yang menyediakan perisian kursus serta bahan pembelajaran secara percuma samada dalam bentuk video, simulasi serta permainan. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan sumber alternatif daripada institusi pendidikan yang lain. Bentuk bahan secara digital ini juga diaplikasi dalam aktiviti penilaian pelajar untuk melihat samada pelajar layak untuk lulus atau gagal (Herry, 2023). Kaedah ini dilihat telah dapat mengurangkan kos dari segi penyampaian ilmu.

Teknologi membenarkan pembelajaran Bahasa dan pendidikan dalam pelbagai Bahasa

Teknologi membenarkan perkembangan dari segi pembelajaran bahasa samada secara formal atau tidak formal. Mempelajari bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris adalah amat penting dalam era pendidikan global. Pembelajaran bahasa asing dapat diperolehi melalui aplikasi-aplikasi pembelajaran, tutor maya, aplikasi penterjemahan serta kursus-kursus yang disediakan secara dalam talian. Selain itu, pembelajaran secara tidak formal juga dapat dilakukan melalui platform media sosial seperti Facebook, TikTok dan Instagram dengan cara berinteraksi secara terus melalui aplikasi tersebut. Selain itu, terdapat juga aplikasi berasaskan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) yang membenarkan pembelajaran bahasa dapat dilakukan secara sendiri seperti Duolingo, Babbel, Talkpal, Memrise dan Hello Talk. Kepelbagaian kaedah pembelajaran ini akan memudahkan pelajar-pelajar untuk mempelajari bahasa asing serta menghargai budaya dari negara lain, sekaligus meningkatkan potensi dan kebolehpasaran diri pelajar hingga ke peringkat antarabangsa.

Teknologi dalam Pembangunan Kerjaya

Teknologi dapat membantu membantu pembangunan kerjaya seorang pendidik melalui webinar, kursus secara dalam talian serta komuniti maya bagi memastikan mereka sentiasa mendapat kaedah pengajaran yang terkini daripada komuniti global (Taylor, 2016). Pendidik juga perlu mendapat bimbingan serta berkongsi praktis yang terbaik dari negara-negara maju melalui beberapa platform yang bersesuaian seperti LinkedIn, Research Gate, forum-forum, serta mana-mana platform yang membolehkan pengguna untuk berkomunikasi secara global.

Kesimpulannya, teknologi memainkan peranan yang penting dalam pendidikan tanpa sempadan. Ia memudahkan proses capaian maklumat dan membolehkan kolaborasi secara global serta menyokong pendidikan secara lebih meluas tanpa batasan geografi. Di samping itu, teknologi juga membuka peluang kepada pelajar, pendidik serta penyelidik daripada seluruh dunia untuk berinteraksi di antara satu sama lain serta menggalakkan mereka untuk menjadi lebih kreatif dalam pembelajaran dan pengajaran yang lebih fleksibel. Secara keseluruhannya, pengintegrasian teknologi dalam pendidikan adalah satu aspek penting dalam pembangunan pendidikan secara global pada masa kini.

Rujukan

- Herry, C. (2023, 9 April). Pembelajaran Jarak Jauh. <https://aredutech.com/pembelajaran-jarak-jauh/>
- 10 Aplikasi Pembelajaran Bahasa Teratas Dikuasai Oleh AI (n.d.). TalkPal AI.
- 10 Aplikasi Pembelajaran Bahasa Teratas Dikuasai Oleh AI (n.d.). TalkPal AI.
- Zailan, A.L.M (2013, Januari). Peranan Teknologi dalam Pendidikan. <https://ainilijanamohdzailan.wordpress.com/about/peranan-teknologi-dalam-pendidikan/>
- Aziz, N. & Sieng, L.W. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalita Pelajar*, 22(1), 69-75.
- Taylor, I. (2016). Globalization of Higher Education in Malaysia. *Georgia Journal of College Student Affairs*, 1, 21-25.